Chua Jui Meng lwn Shun Min Publishing (M) Sdn Bhd dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO S2-23-07 TAHUN 1996
ABDUL HAMID SAID H
6 MEI 2002

***Tort** — Fitnah — Ganti rugi — Rayuan terhadap award ganti rugi — Sama ada ganti rugi teladan patut diberikan — Sama ada ganti rugi teruk patut diberikan*

Tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan adalah untuk fitnah berhubung dengan sebuah rencana yang diterbitkan di dalam surat khabar defendan pertama pada 3 Ogos 1994. Di dalam rencana tersebut, dakwaan-dakwaan mengenai sogokan dan rasuah telah dibuat terhadap plaintif. Defendan kedua adalah pengarang surat khabar tersebut. Satu penghakiman persetujuan interlokutori telah dimasuki antara pihak-pihak tersebut di mana defendan-defendan mengakui tanggungan. Setelah taksiran dibuat oleh penolong kanan pendaftar, satu jumlah sebanyak RM300,000 telah diawardkan sebagai pampasan ganti rugi, RM300,000 sebagai ganti rugi teruk dan RM300,000 sebagai ganti rugi teladan. Kedua-duanya defendan-defendan dan plaintif telah merayu terhadap award tersebut.

Diputuskan, menolak rayuan plaintif:

(1) Plaintif adalah Timbalan Menteri di dalam Kementerian Perindustrian dan Perdagangan Antarabangsa pada waktu yang relevan itu tetapi kini adalah seorang Menteri Kesihatan. Oleh itu, kedudukan plaintif di arena politik telah meningkat dengan peredaran masa. Meskipun dakwaan-dakwaan rasuah dan sogokan yang dibuat di dalam rencana tersebut adalah serius, kandungannya tidak berasal daripada defendan-defendan. Defendan pertama telah hanya melaporkan perkataan-perkataan yang disebut oleh satu pihak ketiga dan tiada niat jahat di pihak defendan-defendan (lihat ms 352F–353B, 354A–B).

(2) Defendan-defendan telah dengan segera menerbitkan surat-surat daripada plaintif dan Menteri Perindustrian dan Perdagangan Antarabangsa, di dalam yang mana mereka menafikan dakwaan-dakwaan yang terkandung di dalam artikel tersebut. Berikutan itu, defendan-defendan telah menerbitkan kenyataan meminta maaf di dalam surat khabar defendan pertama. Lagi pun, defendan-defendan telah pun membayar ganti rugi kepada plaintif dalam guaman yang lain. Sehubungan itu, satu jumlah sebanyak RM50,000 sebagai ganti rugi pampasan adalah memadai (lihat ms 353G–H, 354I–355A).

(3) Memandangkan kemajuan kerjaya politik plaintif, plaintif tidak boleh diperkatakan telah mengalami ganti rugi teruk dan rayuan

defendan-defendan terhadap award bagi ganti rugi teruk adalah dengan itu dibenarkan (lihat ms 355G–H). A

(4) Begitu juga, rayuan defendan-defendan terhadap award untuk ganti rugi teruk telah dibenarkan kerana ianya tidak boleh diperkatakan bahawa perlakuan defendan-defendan dalam melakukan kesilapan tersebut telah menetapkan sifat bertekad yang tidak menghiraukan hak plaintif tersebut (lihat ms 355F–G).] B

[English summary

The plaintiff's claim against the defendants was for defamation in respect of an article published in the first defendant's newspapers on 3 August 1994. In the article, allegations of bribery and corruption were made against the plaintiff. The second defendant was the editor of the newspapers. An interlocutory consent judgment was entered between the parties wherein the defendants admitted liability. Upon assessment of damages by the senior assistant registrar, a sum of RM300,000 was awarded as compensatory damages, RM300,000 as aggravated damages and RM300,000 as exemplary damages. Both the defendants and the plaintiff appealed against the award. C D

Held, dismissing the plaintiff's appeal:

(1) The plaintiff was the Deputy Minister in the Ministry of International Trade and Industry at that relevant time but was now a Minister of Health. Therefore, the plaintiff's position in the political arena had improved over time. Although the allegations of corruption and bribery made in the article were serious, its contents did not originate from the defendants. The first defendant had merely reported the words spoken by a third party and there was no malice on the defendants' part (see pp 352F–353B, 354A–B). E F

(2) The defendants had immediately published letters from the plaintiff and the Minister of International Trade and Industry, in which they denied the allegations contained in the article. Subsequent thereto, the defendants published an apology in the first defendant's newspapers. Furthermore, the defendants had already paid damages to the plaintiff in another suit. Accordingly, a sum of RM50,000 as compensatory damages was sufficient (see pp 353G–H, 354I–355A). G

(3) In view of the progress in the plaintiff's political career, the plaintiff cannot be said to have suffered aggravated damages and the defendants' appeal against the award for aggravated damages was therefore allowed (see p 355G–H). H

(4) Similarly, the defendants' appeal against the award for exemplary damages was allowed as it cannot be said that the defendants' conduct in committing the wrong established contimelious disregard of the plaintiff's rights (see p 355F–G).] I

A **Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai ganti rugi untuk fitnah, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2000 Reissue) perenggan-perenggan 216–222.

B **Kes-kes yang dirujuk**

Chua Jui Meng v Hoo Kok Wing & Anor [2000] 3 MLJ 1 (dirujuk)
MGG Pillai v Tan Sri Dato Vincent Tan Chee Yioun and other appeals [1995] 2 MLJ 493 (dirujuk)
Uren v John Fairfax & Sons Pty Ltd (1966) 117 CLR 118 (dirujuk)

C **Undang-Undang yang dirujuk**

Akta Fitnah 1957 s 16

Raja Darryl & Loh bagi pihak plaintif.
Shearn Delamore bagi pihak defendan-defendan.

D **Abdul Hamid Said H**: Plaintif pada masa berkenaan adalah Timbalan Menteri di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (Timbalan Menteri). Dalam tuntutannya Timbalan Menteri mengatakan bahawa defendan telah memfitnahnya melalui suatu makalah (article) yang diterbitkan defendan-defendan melalui akhbar *Shin Min Daily* ('defendan
E pertama') pada 3 Ogos 1994. defendan kedua adalah penyunting akhbar itu.

Pada 21 Ogos 2000 suatu penghakiman persetujuan interlokutori telah dirakamkan di mahkamah diantara plaintif dan defendan-defendan. Dengan ini defendan-defendan mengakui liabiliti dan apa yang tinggal
F adalah untuk menaksir ganti rugi. Penolong kanan pendaftar ('PKP') telah mendengar taksiran ganti rugi dan telah memberi awadnya seperti berikut:

Ganti rugi pampasan	—	RM300,000
Ganti rugi tambah teruk	—	RM300,000
G Ganti rugi teladan	—	RM300,000

Kedua-dua pihak merayu terhadap keputusan PKP di atas.

Di dalam tuntutan fitnah ganti rugi dianggap dan ganti rugi sebenarnya tidak perlu dibuktikan. Ini berasaskan kepada *Gatley on Libel and Slander* (Edisi ke-9) di perenggan 32.43 buku yang menyebut:

H

> Damage presumed. In cases of libel or slander actionable per se, the plaintiff need not prove actual damage, for 'the law presumes that some damage will flow in the ordinary course of things from the mere invasion of his absolute right to reputation'. 'There is no obligation on the plaintiffs to show that they have suffered actual damage ... In every case a plaintiff is entitled to say that there has been a serious libel upon him, that the law assumes he must have
> I suffered damage, and that he is entitled to substantial damages.' However, it is probably improper for the plaintiff to state his intention to donate any sum he receives in damages to charity.

Mahkamah Rayuan dalam kes *MGG Pillai v Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun and other appeals* [1995] 2 MLJ 493 di bahagian diputuskan:

> (5) (Oleh Gopal Sri Ram HMR) Libel adalah satu tort yang boleh mengasaskan satu tindakan secara sendirinya, iaitu tanpa bukti kerosakan sebenar. Undang-undang membuat anggapan bahawa apabila reputasi seseorang diserang, kerosakan tentunya berlaku. Sedangkan satu tuntutan untuk ganti rugi khas mesti dijadikan pli secara spesifik dan mesti dibuktikan, tuntutan yang dibuat oleh responden cumalah untuk ganti rugi am yang tidak perlu dibuat pli dan dibuktikan sedemikian. Walaupun responden adalah saksi tunggal yang dipanggil untuk membuktikan kesnya, setiap kes itu bergantung pada fakta-faktanya yang tersendiri. Di dalam kes ini, bisa yang digunakan oleh perayu pertama di dalam rencananya untuk menyerang responden bersama dengan kedudukan responden di dalam masyarakat adalah ukuran yang mencukupi untuk menunjukkan takat kerosakan yang telah dialami. Hakim perbicaraan dengan betulnya telah menerima keterangan responden. Lantaran itu hujah bahawa ganti rugi yang dituntut tidak dibuktikan tidak boleh berjaya.

Di dalam kes ini plaintif memohon ganti rugi pampasan (compensatory damages), ganti rugi bertambah teruk (aggravated damages) dan ganti rugi teladan (exemplary damages) seperti yang diawadkan mahkamah.

Peguam plaintif dalam hujah bertulisnya menggesa mahkamah bagi taksiran ganti rugi pampasan mahkamah perlu mengambilkira beberapa faktor termasuk tetapi tidak terhad kepada:

(i) kedudukan plaintif;

(ii) jenis fitnah bertulis (nature of the libel);

(iii) luasnya penyiaran;

(iv) kelakuan pihak-pihak berkenaan; dan

(v) penderitaan mental, perasaan luka (hurt), kerisauan dan penderitaan (distress).

Plaintif di dalam kes ini adalah, pada masa berkenaan, menjadi Timbalan Menteri di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia dari bulan Oktober 1990 hingga bulan Mei 1995 (fitnah berkenaan berlaku pada 3 Ogos 1994). Selain dari itu ia juga Ahli Parlimen di kawasan parlimen Bakri, Muar, Johor semenjak 1986, Pengerusi Federation of ASEAN Shippers Council (hingga 1995) dan Pengerusi Malaysian National Shippers Council (1990–1995), Timbalan Pengerusi The Committee for Parliamentary, judicial and Human Rights Questions of the International Inter Parliamentary Union (1991–1994). Menjadi ahli Honourable Society of Inner Temple, Peguamcara dan Peguambela Mahkamah Tinggi Malaya dan Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Kesihatan (1989–1990).

Sekarang ini plaintif adalah Menteri Kesihatan Malaysia, Naib Presiden Persatuan Cina Malaysia, Pengerusi Persatuan Cina Malaysia Kedah sebagai State Liaison Committee.

Jika dibandingkan kedudukan plaintif di dalam politik dan parti maka adalah nyata kedudukannya telah bertambah baik jika dibandingkan pada 3 Ogos 1994.

Kedudukan plaintif dalam masyarakat Tionghua di negara ini masih tinggi memandangkan jawatan-jawatan yang dipegangnya sekarang. Plaintif masih lagi Ahli Parlimen.

Tidak boleh dinafikan bahawa dakwaan rasuah dan sogokan adalah sesuatu yang serius. Fitnah dalam apa bentuk sekalipun akan menjatuhkan maruah seseorang. Fitnah juga boleh menjatuhkan integriti seseorang. Ia akan dipandang serong oleh masyarakat. Sebagai YB Menteri ia akan kehilangan 'moral authority' terutamanya dengan pegawai-pegawai bawahan dan atasan yang ia berinteraksi.

Dari segi peribadinya fitnah boleh menjadi hati gundah. Ini perlu diingati bahawa jawatan yang dipegang plaintif adalah jawatan yang memerlukan undi orang ramai. Baginya plaintif perlu menjaga penjatian dirinya. Akibatnya seperti kata orang-orang Melayu:

> Sebab pulut santan binasa,
> Sebab mulut badan binasa.

Di dalam konteks zaman ini, boleh dikatakan bahawa sebab mulut kocek binasa.

Tetapi di dalam kes ini apa yang dikatakan fitnah itu bukannya daripada defendan-defendan. Akhbar *Shin Min Daily* cuma melaporkan apa yang dikatakan orang ketiga. Dengan lain-lain perkataan fitnah itu tidak terbit daripada defendan-defendan. Tidak dipertikaikan bahawa apa yang dilaporkan tepat daripada apa yang dikatakan orang ketiga. Sama ada kegagalan defendan-defendan mengesahkan berita sebelum menerbitkannya tidak menjadi isu kerana defendan-defendan telah mengaku liabiliti dan telah memasukkan penghakiman setuju. Dan saya mengambilkira fakta bahawa defendan cuma melaporkan apa yang dikatakan orang lain.

Di dalam kes ini, adalah didapati peranan defendan cuma melaporkan. Orang kenamaan adalah berita. Menteri-menteri adalah berita. Peranan akhbar adalah melaporkan.

Defendan-defendan telah menyiarkan surat-surat penjelasan dari Lembaga Pengarah Perindustrian Dimensi (M) Sdn Bhd pada keesokan hari, 4 Ogos 1994.

Surat plaintif bertajuk 'Bohong Yang Memalukan' telah disiarkan defendan-defendan pada 5 Ogos 1994 dan surat dari YB Menteri Perdagangan Antarabangsa yang menafikan plaintif menerima rasuah. Pada 13 Ogos 1994 defendan-defendan telah menerbitkan kenyataan dari plaintif. Dan pada 17 Ogos 1994, defendan-defendan telah menerbitkan satu kenyataan minta maaf yang berbunyi:

> (1) ...
> (2) ...
> (3) ...

(4) ... kami hanya melapor dari segi berita. Tidak terdapat sikap berat sebelah kepada kedua-dua pihak. Tetapi akibatnya laporan itu telah mencemarkan imej dan nama baik Chua Jui Meng serta menyebabkan kesusahan. Kami merasa amat menyesal dan dengan ini meminta maaf.

Liabiliti defendan-defendan ialah telah menyiarkan apa yang dikatakan Hoo Kok Wing dan peguamnya, Chin Tee Fut. Saya tidak dapati adanya niat jahat dari defendan-defendan.

Di dalam kes ini, defendan-defendan telah pun menyiarkan permohonan maafnya seperti tersebut di atas.

Gatley on Libel and Slander (Edisi ke-9) di perenggan 31.3-31.4:

31.3 Publishing the apology. The apology should be given similar publicity as the original libel, so that it is likely to come to the attention of those who read the libel 'Inserting an apology means effectually inserting it; not so that people would not be likely to see it; but in such a manner as to counteract as far as possible the mischief done by the libel. [See *Lapone v Smith* (1858) 3 H & N735]. Thus if the libel appeared in the same newspaper, then ideally in as large as type and as prominent a position as the libel.

31.4 Third parties. An apology for the publication of defamatory words often explains how they came to be published, even though they were not true; the purpose is to preserve the reputation both of the person defamed and of the publisher. The publisher should take care in such circumstances not to defame a third party, though the occasion of a proper apology may well be privileged.

Section 16 Defamation Act 1957 menyatakan 'In any action for libel or slander, the defendant may give evidence in mitigation of damages ... .'

Plaintif telah mendapat ganti rugi dari defendan-defendan dalam kes No S2(S3)22–503–94. Kes itu berkaitan tuntutan plaintif ke atas mereka yang membuat fitnah itu. Ada akhbar-akhbar lain yang menyiarkan berita yang sama. Perbezaannya ialah di dalam kes di hadapan saya, defendan-defendan menyiarkan permintaan maafnya kira-kira dua minggu setelah menyiarkan fitnah itu.

Plaintif tidak puashati dengan permintaan maaf defendan-defendan walaupun apabila dikaji permintaan maaf akhbar-akhbar lain ianya tidak banyak berbeza dan hampir mengikuti apa yang dipetik dari buku *Gatley* tersebut di atas.

Saya dapati defendan-defendan telah berusaha mengendorkan keadaan dengan menyiarkan semua penafian dan penjelasan dari plaintif, Menteri plaintif dan syarikat yang dikatakan memberi rasuah.

Adalah juga perlu diingati bahawa akhbar juga perlu menjaga reputasi mereka. Jika dilihat YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian telah memberi keterangan selepas membuat siasatan dalaman kira-kira sepuluh hari kemudian.

Dalam keadaan kes ini, memandangkan s 16 Akta Fitnah 1957 bahawa plaintif telah mendapat ganti rugi dari kes No S2(S3)22–503–94 dan setelah mengkaji langkah-langkah defendan memberi gambaran penafian

kejadian itu dari pihak yang mengetahui, saya bersetuju bahawa awad pampasan RM50,000 adalah mencukupi. Di zaman ini, pembaca berjumlah 20,000 orang dikira kecil. Lagipun, di dalam kes ini selain dari kecederaan pada perasaannya, plaintif telah memperbaiki niatnya dalam Kerajaan dan pandangan masyarakatnya.

Plaintif berhujah bahawa ia juga berhak menerima ganti rugi tambah teruk. Perkataan tambah teruk berasal dari perkataan Inggeris 'aggravate' iaitu 'increase the gravity of an illness/offence' — *The Concise Oxford Dictionary* (Edisi ke-9).

Di dalam kes *Chua Jui Meng v Hoo Kok Wing & Anor* [2000] 3 MLJ 1, mahkamah telah memetik *Gatley on Libel and Slander* (Edisi ke-9) di perenggan 9.13 yang berbunyi:

> Aggravated damages
>
> The conduct of the defendant, his conduct of the case, and his state of mind are all matters which the plaintiff may rely on as aggravating the damages, '[I]t is very well established that in cases where the damages are at large the jury (or the judge if the award is left to him) can take into account the motives and conduct of the defendant where they aggravate the injury done to the plaintiff. There may be malevolence or spite or the manner of committing the wrong may be such as to injure the plaintiffs proper feelings of dignity and pride. These are matters which the jury can take into account in assessing the appropriate compensation.' The conduct of a defendant which may often be regarded as aggravating the injury to the plaintiff's feelings, so as to support a claim for 'aggravated' damages, includes the failure to make any or any sufficient apology and withdrawal; a repetition of the libel; conduct calculated to deter the plaintiff from proceeding; persistence, by way of a prolonged or hostile cross-examination of the plaintiff, or in turgid speeches to the jury, in a plea of justification which is bound to fail; the general conduct either of the preliminaries or of the trial itself in a manner calculated to attract wide publicity; and persecution of the plaintiff by other means.

Di dalam kes ini, saya dapati defendan-defendan telah mengakui liabiliti dan ada penghakiman setuju. Semasa penaksiran kenyataan, afidavit telah digunakan. Tidak ada pemeriksaan dilakukan baik dari segi liabiliti mahu pun semasa penaksiran. Permintaan maaf telah dibuat tidak mencukupi kata plaintif. Ia tidak pula mengatakan apakah yang mencukupi.

Saya tidak bersetuju dengan pengataan bahawa kelewatan memasukkan penghakiman setuju liabiliti adalah yang boleh dikira sebagai menjadikan ganti rugi bertambah teruk. Sebaliknya telah menjadi sifat semulajadi manusia bahawa mereka pelupa. Memandangkan kepada kemajuan plaintif dalam bidang politik, saya tidak dapati telah berlaku ganti rugi lebih teruk.

Oleh demikian, saya membenarkan rayuan defendan berkaitan ganti rugi bertambah teruk dan memutuskan tidak ada ganti rugi bagi kepala ini.

Saya juga menolak ganti rugi teladan kerana saya dapati tidak ada apa yang disebut '... the defendant's conduct in committing the wrong, established contimelious disregard of the plaintiff's rights' (lihat *Uren v John Fairfax & Sons Pty Ltd* (1966) 117 CLR 118).

Oleh demikian, saya cuma memberi awad RM50,000 sebagai ganti rugi pampasan tanpa kos. Rayuan plaintif ditolak tanpa kos. A

Rayuan plaintif ditolak.

Dilaporkan ole Lim Lee Na

B

C

D

E

F

G

H

I